



TEKS UCAPAN

YAB DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI

ABDUL RAHMAN ZOHARI

BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG

KETUA MENTERI SARAWAK

SEMPENA HARI SARAWAK

22 JULAI 2021, 8.15 MALAM

TEMA: SARAWAK CEMERLANG UNTUK SEMUA

YB Timbalan-Timbalan Ketua Menteri
YB Speaker, Dewan Undangan Negeri
YB Menteri-Menteri
YB Setiausaha Kerajaan Negeri
YB Menteri-Menteri Muda
YB Ahli-Ahli Parlimen
YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Sarawak kepada semua yang hadir pada malam ini dan kepada semua Anak Sarawak di mana sahaja mereka berada.
2. Pada tahun ini seperti pada tahun lepas kita tidak merayakan Hari Sarawak dalam skala yang besar oleh kerana pandemik COVID-19. Namun, saya percaya kekangan yang dihadapi tidak melunturkan semangat kita sebagai Anak Sarawak untuk memperingati peristiwa yang amat penting dalam lipatan sejarah Negeri Sarawak setelah berada lebih 100 tahun dalam tangan kuasa asing bermula dari pemerintahan keluarga Brooke.
3. Pada tanggal 22 Julai 1963, rakyat Sarawak diberi kuasa oleh pihak koloni British untuk mentadbir negeri sendiri atau kuasa "self-rule". Pihak British telah menyerahkan kuasa untuk mentadbir negeri ini kepada rakyat Sarawak sendiri dengan perlantikan Ketua Menteri pertama, iaitu mendiang Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan dengan kabinet pertamanya terdiri daripada anak-anak Sarawak sendiri.

4. Kita amat menghargai dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Allahyarham Pehin Sri Adenan yang telah mengisytiharkan 22 Julai sebagai Hari Sarawak dan cuti umum untuk memperingati hari yang amat penting ini. Saya amat berharap 22 Julai akan terus menjadi titik permulaan bagi memperkukuhkan perpaduan, keharmonian dan budaya saling hormat-menghormati antara rakyat Sarawak yang berbilang bangsa, keturunan dan agama.

5. Pada hari ini genap 58 tahun pentadbiran Negeri Sarawak sudah berada dalam tangan anak Sarawak sendiri. Banyak yang sudah dicapai, namun banyak yang masih perlu dilakukan untuk mencapai impian kita semua sebagai anak Sarawak ke arah menjadikan Sarawak sebuah negeri yang maju dan rakyatnya berpendapatan tinggi.

6. Saya amat yakin kita boleh mencapai impian ini menjelang 2030 jika kita semua berusaha dengan gigih dan memberi sepenuhnya tumpuan kepada matlamat kita untuk menjadi ekonomi yang maju dalam masa sembilan tahun lagi mengikut acuan kita sendiri.

7. Usaha untuk menangani pandemik COVID-19 adalah suatu ujian getir yang telah sedikit sebanyak memberi kita keyakinan bahawa Sarawak mampu melakukan dan mendepani apa saja rintangan dan menggalas apa saja tanggungjawab untuk memastikan negeri ini sentiasa berada di hadapan.

8. Saya bagi pihak Kerajaan GPS Sarawak ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak, khususnya anak Sarawak yang

telah menunjukkan komitmen yang begitu tinggi supaya Sarawak mampu mendepani cabaran COVID-19 dengan penuh keyakinan.

9. Saya telah melancarkan Pelan Pasca COVID-19 pagi tadi dan saya begitu yakin bahawa semangat sebagai anak Sarawak yang dipamerkan ketika berhadapan dengan COVID-19 akan membawa kita kepada kejayaan untuk mencapai matlamat pelan tersebut pada 2030, Insyallah.

10. During the pandemic for the past one year or so, we have often made decisions that are more suited to the conditions and situation in Sarawak. We respect the federal government and decisions made at the federal level but not every decision made in Putrajaya is suitable or practical for implementation in Sarawak.

11. Sarawak adalah sebuah wilayah yang hampir sama besar dengan tanah Semenanjung dan kadang kala, dengan kekangan sumber dan infrastruktur, agak sukar untuk pihak berkuasa kita melaksanakan keputusan yang telah dibuat di peringkat persekutuan.

12. Terdapat contoh jelas, iaitu modifikasi kepada proses pemberian vaksin yang membolehkan rakyat kita di luar bandar diberi **suntikan vaksin dahulu kemudian barulah didaftar** di dalam aplikasi MySejahtera kerana kita akur bahawa sukar bagi saudara dan saudari di rumah-rumah panjang dan kampung-kampung untuk mendaftar dan mengakses MySejahtera.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

13. Kerajaan GPS pimpinan saya sentiasa memberi perhatian kepada dasar yang berpandangan jauh untuk memastikan kejayaan ekonomi negeri ini pada masa hadapan. Ketika menghadapi pandemik COVID-19, kita telah menetapkan dasar bahawa langkah jangka panjang untuk memeranginya ialah dengan mempercepatkan program pemberian vaksin kepada rakyat kita. Tindakan seperti menguatkuasakan PKP adalah langkah jangka pendek dengan kesan yang tidak kekal.

14. Alhamdulillah, dengan program pemberian vaksin yang mendapat sokongan daripada pelbagai pihak lebih daripada 70 peratus rakyat kita sudah menerima vaksin dos pertama dan lebih daripada 40 peratus bagi dos kedua.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan saya hormati,

15. Pelaksanaan program menyediakan infrastruktur jalan raya, jambatan dan pelabuhan, termasuk infrastruktur Internet, adalah juga langkah jangka panjang atau "pelaburan" untuk mengangkat status ekonomi negeri ini kepada tahap yang setanding dengan negeri-negeri atau negara-negara yang sudah maju. Tanpa kemudahan infrastruktur yang modern dan efisien, ekonomi negeri ini tidak akan mampu melangkah ke era ekonomi yang lebih gemilang dengan pantas.

16. Program pembangunan infrastruktur di bawah Kerajaan GPS melibatkan pembinaan Jalan Utama Kedua atau The Second Trunk Road, Jalan Raya Pesisir Pantai dan sebelas buah jambatan merentasi sungai-sungai yang besar dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM11 bilion.

17. Program pembangunan infrastruktur juga melibatkan kawasan pedalaman, iaitu kawasan Hulu Rajang di bawah URDA (Upper Rajang Development Area), kawasan tanah tinggi iaitu HDA (Highland Development Area) dan kawasan Utara, iaitu NRDA (Northern Region Development Area) yang kesemuanya diletakkan di bawah bidang kuasa RECODA dengan peruntukan sebanyak RM4.5 bilion.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

18. Penubuhan PETROS, iaitu syarikat minyak dan gas negeri Sarawak, bukan suatu tindakan yang memberi pulangan serta merta. Petronas, syarikat minyak nasional mengambil masa 20 ke 30 tahun untuk mencapai status yang ada sekarang. PETROS baru sahaja ditubuhkan pada 2017 dan perjalanannya masih jauh untuk menjadi sebuah entiti yang kukuh dan berdaya saing.

19. Walau apapun, PETROS sudah berjaya setakat ini untuk memetriai perjanjian dengan PETRONAS melalui Perjanjian Penyelesaian Secara Komersil atau CSA pada 7 Disember 2020 untuk membolehkan Sarawak mengambil bahagian yang aktif dalam industri minyak dan gas di negeri ini.

20. Baru-baru ini PETROS telahpun menganugerahkan award kepada syarikat yang berjaya untuk meneroka medan minyak di daratan berdekatan Miri dan Marudi. Perkembangan ini amat bermakna kepada negeri Sarawak kerana ia menandakan negeri ini sudah mempunyai kawalan penuh terhadap sumber minyak dan gasnya di daratan

berdasarkan Ordinan Perlombongan Minyak 1958 atau Oil Mining Ordinance 1958.

21. *Towards this, PETROS is finalising its inaugural Petroleum Contract and Joint Operating Agreement for Block SK433 with Petra Energy Development Sdn Bhd and joint venture partner, Uzma Energy Venture SK433 Sdn Bhd. PETROS' wholly owned subsidiary, Petroleum Sarawak Exploration and Production Sdn Bhd (PETROSEP) will also be an equity partner in the Petroleum Contract; contributing specialist expertise towards the success of this joint venture.*

22. *Effective 1 January 2021, PETROS EP has also entered into two Offshore Sarawak Production Sharing Contracts (PSCs), as a non-operating equity partner and placing PETROS EP in third place behind PETRONAS Carigali and Shell in terms of working interest share of current gas production in Sarawak*

23. *PETROS EP is also in a good position to enter several Offshore Sarawak Exploration Blocks by end of this year.*

24. *In the **Downstream** based on the Gas Distribution Ordinance 2016 (DGO 2016), PETROS is working closely with other State entities to increase the domestic gas utilisation through implementation of various initiatives under the Sarawak Gas Roadmap umbrella – to capture greater value locally from upstream gas production and contributing to socio economic growth through job creation for Sarawakians:*

- (i) *Since 1 January 2020, PETROS is the Single Entity for the supply, sale and distribution of domestic gas to industrial and*

residential customers; with ownership and operatorship of Bintulu and Miri Gas Distribution Systems

- (ii) With Sarawak DGO 2016, Sarawak Ministry of Utilities ("MOU") manages full licensing rights over the liquefied petroleum gas – LPG, market in Sarawak effective 1 June 2020*
- (iii) PETROSLPG is expected to enter Sarawakian homes and businesses in coming weeks, starting in our capital city of Kuching and gradually expanding across the State.*

25. Perjalanan kita untuk mendapatkan pulangan yang lebih adil dalam industri minyak dan gas di negeri ini bukanlah laluan yang mudah. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kerajaan GPS terpaksa berhadapan dengan PETRONAS di mahkamah untuk memutuskan samada Sarawak mempunyai hak untuk mengenakan cukai jualan ke atas produk minyak dan gas dari negeri ini.

26. Alhamdulillah undang-undang memihak kepada kita dan dengan kemenangan di Mahkamah Sarawak telah mendapatkan pulangan dari Cukai Jualan atau SST sebanyak RM2.9 bilion dari PETRONAS bagi tahun 2019.

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

27. Dasar perindustrian Sarawak juga terus membuahkan hasil dengan cadangan pelaburan tambahan oleh empat syarikat di Kawasan Perindustrian Hightech Samajaya dengan nilai pelaburan berjumlah RM6.31

bilion. Sementara itu, Zon Perindustrian Samalaju juga dijangkja akan menerima pelaburan bernilai RM13.8 bilion dengan penubuhan sebuah loji pengeluaran keluli oleh sebuah syarikat dari negara Cina. Ribuan rakyat kita, khususnya para belia, telah mendapat perkerjaan di Samajaya dan Samalaju dan dengan pertambahan pelaburan tersebut, sudah pasti peluang pekerjaan untuk anak muda kita juga meningkat. Hasil dasar yang berpandangan jauh, Kerajaan Sarawak mampu untuk meyediakan peluang pekerjaan kepada rakyatnya melalui program perindustriannya.

28. Baru-baru ini saya telah mengumumkan bahawa sebuah pusat penyelidikan penyakit-penyakit tropika atau Sarawak Infectious Disease Centre atau SIDC akan ditubuhkan di Kota Samarahan dengan peruntukan sebanyak RM200 juta. Ia juga suatu langkah jangka panjang berdasarkan penyelidikan dan pembangunan atau R & D yang juga harus diberi perhatian oleh Kerajaan Sarawak supaya ekonomi negeri ini berjaya pada masa hadapan.

29. Di bawah Perlembagaan Malaysia, perkara mengenai kesihatan awam adalah tanggungjawab bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mempertingkatkan tahap kesedaran awam mengenai penyakit-penyakit berjangkit dan mengambil langkah-langkah bagi mengatasi penyakit yang mungkin merebak.

30. The SRDC, has initiated a Memorandum of Understanding (MOU) with the Australian National Phenome Centre, Perth, Amili Pte Ltd (Singapore), Cambridge Sparks, UNIMAS and Swinburne Sarawak to collaborate in the areas of biomedical sciences and Human Capital Development. These will

add to our current existing list of collaborators including Cambridge Academic of Therapeutic Sciences, University of Cambridge. In future, we will explore engagement with universities such as the University of Oxford, perhaps to develop programmes to harness our rich biodiversity.

31. I believe that these initiatives will help to pave the way to enhance the research culture in Sarawak, leading to a vibrant bioeconomy, capitalizing on our diverse cultures, and natural resources.

32. Di samping itu, Kerajaan Sarawak melalui Sarawak Energy Berhad juga menjalankan penyelidikan untuk menghasil gas hidrogen yang berpotensi untuk menjadi bahan bakar tanpa emisi pada masa hadapan. Dengan sumber asas yang ada, khususnya air, dan trend dunia pada masa ini ke arah penggunaan sumber kuasa yang bersih, saya yakin suatu hari nanti negeri ini boleh membina ekonomi yang berasaskan pengeluaran dan penggunaan gas hidrogen.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

33. Walau apa pun yang dirancang oleh Kerajaan, peruntukan yang besar tidak menjamin kejayaan jika iklim politik tidak mengizinkan. Pergolakan politik dan perebutan kuasa antara parti-parti politik akan menyebabkan keadaan tidak stabil yang tidak sihat kepada pembangunan ekonomi. Wang asing akan mengalir keluar dan para pelabur sudah pasti tidak akan melabur di negara-negara atau negeri-negeri yang terumbang-ambing dari segi suasana politiknya.

34. Oleh itu, sempena hari yang penuh bermakna ini marilah kita rakyat Sarawak sama-sama merapatkan kesetiakawanan dan mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dan sama-samalah kita menjauhkan negeri ini daripada politik yang membawa kepada perpecahan.

35. Sama-sama kita berdoa agar Sarawak terus cemerlang untuk semua, Insyallah.

36. Sekian, wabilahi taufik walhidayah, salam waalaikum warahmatulahi wabarakatuh.

37. Selamat menyambut Hari Sarawak.